



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (5)

SIARAN MEDIA

BALAI SENI NEGARA DI FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

25 JULAI 2025 – Balai Seni Negara meneruskan usaha memperluas akses seni visual ke seluruh negara melalui penyertaan dalam **Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (FHMAPK) 2025** yang berlangsung dari 23 hingga 29 Julai 2025 di Muzium Padi, Alor Setar, Kedah. Tiga pengisian utama telah dibawa khusus untuk para pengunjung di utara tanah air, iaitu ***Pameran Imersif: Merungkai Bingkai, Bengkel Ilustrasi Digital*** bersama artis **Lyana Leong dan Yumz** serta sesi ***Art Talk: “Desentralisasi Bakat Muda Sezaman dalam Jejak Seni Malaysia”***.

Pameran Imersif: Merungkai Bingkai dibawa terus dari Balai Seni Negara ke Muzium Padi sebagai usaha menjangkau khalayak luar ibu kota. Langkah ini bertujuan memperluas capaian seni dan memberikan peluang kepada komuniti di utara tanah air untuk merasai pengalaman seni interaktif dan kontemporari. Menggabungkan elemen seni dan teknologi, pameran ini membuka ruang baharu kepada pengunjung untuk menyelami seni bukan sekadar sebagai tontonan, malah sebagai pengalaman yang boleh dirasai dan dihayati secara menyeluruh.

Sebagai sebahagian daripada pendekatan inklusif untuk menggalakkan penyertaan generasi muda, ***Bengkel Ilustrasi Digital*** bersama **Lyana Leong dan Yumz** turut diadakan setiap hari sehingga 28 Julai 2025, dari jam 5.00 petang hingga 7.00 malam, di reruai Balai Seni Negara.

Sementara itu, orang ramai juga dijemput menyertai sesi ***Art Talk: “Desentralisasi Bakat Muda Sezaman dalam Jejak Seni Malaysia”*** yang akan berlangsung pada 28 Julai 2025, jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, bertempat di Ruang Seminar, Zon E2, Muzium Padi. Sesi ini menampilkan dua kurator Balai Seni Negara, iaitu Syahrul Niza bin Ahmad Zaini dan Erry Arham bin Azmi, yang akan membincangkan bagaimana program Bakat

Muda Sezaman (BMS) berperanan memperluas pengaruh seni ke pelbagai lapisan masyarakat serta menggalakkan perkembangan seni di luar pusat bandar.

BMS merupakan pertandingan anjuran Balai Seni Negara yang memberi pengiktirafan kepada pengkarya muda dalam bidang seni visual kontemporari. Sejak diperkenalkan pada tahun 1974, BMS telah menjadi platform penting bagi menampilkan idea, pendekatan dan suara generasi baharu, sekali gus menyumbang kepada pembentukan landskap seni Malaysia yang progresif dan pelbagai.

Penyertaan dalam FHMAPK 2025 mengukuhkan peranan Balai Seni Negara sebagai institusi seni nasional yang responsif terhadap perubahan zaman, komited untuk merakyatkan seni visual serta mendekatkannya kepada semua lapisan masyarakat. Orang ramai dijemput mengunjungi **Reruai 12** Balai Seni Negara.

Untuk maklumat lanjut, layari www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my